


## Apakah yang diajar oleh gereja kepada kami? (oleh Rev Wong Sing Ming)

Rev Rick Warren berpendapat bahawa gereja mesti berupaya untuk membekalkan sesuatu yang orang tidak boleh mendapatkan di tempat lain.

Perjanjian baru mencatatkan Rasul Paulus berkata kepada gereja Korintus : **"Saudara semuanya bersama-sama adalah tubuh Kristus dan kalian masing-masing pula adalah anggota dari tubuh itu."** (1 Korintus 12:27)

Berkenaan perjamuan kudus, dia juga mengatakan : "Pada waktu kita minum anggur dengan mengucap terima kasih kepada Allah, bukankah itu menunjukkan bahwa kita bersatu dengan Kristus dalam kematian-Nya? Dan pada waktu kita membagi-bagikan roti untuk dimakan bersama-sama, bukankah itu menunjukkan bahwa kita bersatu dalam tubuh Kristus?" (1 Korintus 10:16)

Gereja adalah satu organisma hidup, bukan satu organisasi. Kristus adalah kepala gereja, jemaat adalah anggota kepada tubuh ini. Oleh itu, gereja adalah tubuh Kristus dan gereja harus berkepalakan Kristus.



**Pelayanan :** adalah kehidupan, mencurah hidup yang tulus ikhlas

Pekerjaan gembala gereja adalah mencari bagaimana bekerjasama dalam pekerjaan Tuhan agar perlakuan Tuhan lancar dipernampakkan. Oleh itu, pelayanan gembala gereja bukan suatu pekerjaan, tetapi adalah kehidupan, iaitu mencurah hidup yang tulus ikhlas.

Penulis teologi tentang saat teduh dan menggembala yang terkenal, Henri Nouwen berkata : "pelayanan gembala adalah pergi menolong orang yang sentiasa menghadapi cabaran dalam proses pertumbuhan, bersandar kepada Kristus menghadapi orang dan keadaan dunia secara positif, hidup penuh berpancar." Thomas Oden berkata: "Saya menemukan bahawa perasaan yang paling pribadi dan tidak berharap diketahui orang lain, tetapi ketika saya jelas menyatakannya, dan diterima oleh orang lain dengan perasaan yang sama, hal ini mengejutkan saya. Ini membuat saya percaya bahawa pengalaman pribadi yang paling unik, asalkan dijelaskan, orang lain juga akan beresonansi dengan saya"

Pelayanan gereja adalah untuk membuka pikiran diri sendiri dengan pengalaman dalam Tuhan mereka, untuk membantu kristian yang lain untuk menghadapi situasi peribadi dalam masyarakat, sehingga firman Allah dapat ditanamkan dalam hati peribadi, terus bertumbuh sampai berhasil, dan membangun dasar iman yang kuat.

**Menyembah:** adalah mempersembahkan diri kepada Tuhan, biar Tuhan mendapatkan kami. Kewujudan gereja yang paling utama adalah menyembah Tuhan, mengekspres kepada Tuhan kasih kami kepada-Nya. **Matius 4:10** menyatakan: **"Sembahlah Tuhan, Allahmu, dan layanilah Dia saja!"**, menekankan kehendak Tuhan adalah menyembah mendahului pelayanan.

. **Mazmur 34:3** juga menyatakan: “Agungkanlah TUHAN bersamaku, mari bersama-sama memuliakan nama-Nya”

Rev Rick Warren menekankan bahawa kita harus menyembah kerana menyembah, bukan kerana kewajiban. Rev Zeng Li Hua juga berkata: “Menyembah seharusnya adalah keutamaan dan merupakan pusat tugas gereja. Kerana gereja adalah umat Tuhan, sememangnya adalah satu kumpulan yang menyembah”. Menurut teologi, menyembah bukan untuk manusia, tetapi adalah untuk Tuhan. Tuhan mencipta segala, khususnya mencipta manusia, kesemuanya adalah untuk memuliakan-Nya, bagai nabi Yesaya mengekspres kehendak Tuhan mencipta manusia: “Merekalah bangsa yang Kubentuk bagi diri-Ku, agar dapatewartakan pujian bagi-Ku.” (**Yesaya 43: 21**)

Menyembah juga harus ada Tuhan Tri-tunggal mengambil bahagian, adalah saat manusia bertemu dengan Tuhan. Tuhan Tri-tunggal adalah objek penyembahan yang selamanya, seperti yang ditunjukkan oleh Rasul Paulus : “Dengan perantaraan Kristus, kita semua oleh Roh Allah yang satu, dapat mendekati sang Bapa.” (**Efesus 2: 18**)

Rev Zeng Li Hua berkata menyembah tidak boleh dijadikan suatu aktiviti sahaja. Khasnya gereja masa kini mempunyai mentaliti ia adalah suatu “penghiburan”, jemaat juga selalu mempunyai mentality “hendak mendapatkan sesuatu” bila menyembah Tuhan, dan fokus diletakkan ke atas “kenikmatan peribadi”. Sebenarnya, menyembah yang sebenar adalah mempersembahkan diri kepada Tuhan, biar Tuhan mendapatkan kami.

**Kepimpinan:** adalah mempengaruhi orang lain melalui kehidupan.

James C. Hunter dalam buku 《Hamba》 mempunyai penjelasan yang unik tentang kepimpinan. Dia berkata, kepimpinan adalah mempengaruhi orang lain. Akan tetapi bagaimana kita mempengaruhi orang lain? Dia memberitahu perbezaan antara kuasa dan keperibadian.

Kuasa adalah kemampuan untuk mengambil keuntungan dari posisi diri sendiri, mengabaikan keinginan orang lain, memaksa mereka untuk bertindak dengan cara peribadi. Keperibadian adalah keterampilan, menggunakan pengaruhnya agar orang lain mahu melakukan sesuatu setelah keputusan dilakukan.

Kuasa dapat dibeli dan dijual, juga dapat diperoleh dan kemungkinan akan hilang. Keperibadian tidak dapat diperdagangkan dan tidak mudah mendapatkan, tidak akan hilang.

Keperibadian berkaitan dengan karakter peribadi, dan berpengaruh terhadap orang lain. Karakter peribadi adalah berkaitan dengan hubungan peribadi dengan Allah, orang lain dan diri sendiri.

Rev Li Jian An mengatakan: "Pemimpin yang mempunyai kuasa pimpinan, dia seperti askar yang menanggalkan baju seragamnya, kuasa pimpinnya juga ditanggalkan. Pemimpin yang mempunyai kepemimpinan hidup, walaupun tidak memakai seragam tetapi masih mempunyai kuasa pimpinannya." Di dalam buku yang bertajuk "Penyembuh yang terluka", Lu Yun mengatakan tiga peranan utama untuk "pemimpin masa depan" :

**Pertama:** Pemimpin yang perihatin - merupakan pemimpin yang berani untuk meneliti hati diri sendiri, memimpin orang lain keluar dari kekacauan, dan membawa mereka ke dalam pengharapan

**Kedua:** Pemimpin yang berbelas kasihan - belas kasih merupakan syarat utama dalam kepemimpinan

**Ketiga:** Pemimpin yang sentiasa mementingkan renungan --- dia adalah seorang revolusi, tetapi berhati-hati menghadapi situasi. Dia menurut panggilan Allah untuk membuat keputusan dan takut ditolak oleh orang lain.

**Khotbah:** itu adalah untuk keperluan masyarakat. Rev Rick Warren berulang kali menekankan perlunya untuk

memberitakan Firman Allah menuruti keperluan masyarakat." Kerana kecuali kamu menemukan beberapa kesamaan dengan orang lain, kalau tidak kamu tidak dapat berkomunikasi dengan orang lain.

Jika pengkhotbah tidak berkhotbah, dia seperti kucing yang tidak menangkap tikus, anjing tidak bertugas, telah kehilangan fungsinya. Oleh kerana itu, khotbah pengkhotbah harus memiliki tiga hal berikut.

**Pertama, ikhlas** --- ini adalah sikap terhadap Allah. Tidak harus menganggap berkhotbah seperti tugas biasa, tetapi harus gementar dan berdoa kepada Allah berkata: "Semoga Allah menunjukkan belas kasihan kepada saya, bukan memberitakan kebenaran di hadapan orang lain, tetapi menunjukkan kebenaran yang hidup...."

**Kedua, antusiasme** --- sikap pengkhotbah terhadap jemaat. Pengkhotbah harus penuh perasaan untuk berkhotbah, tidak boleh mengatakannya tanpa sebarang perasaan

**Ketiga, kerajinan** - adalah sikap terbaik seseorang pengkhotbah. Pengkhotbah harus mengejar kemajuan, kehidupan yang berpikiran sensitif dan waspada, dan memiliki banyak pengalaman.

Khotbah memiliki posisi penting dalam Gereja, dan ia akan mempengaruhi kehidupan rohani gereja. Pengkhotbah yang dapat berkhotbah dengan baik sering dilihat sebagai hamba yang diperalatkan oleh Allah. Kerana informasi yang diberikan oleh pengkhotbah, dapat membantu meningkatkan kehidupan orang percaya dan pengetahuan rohani, membina dasar iman yang kuat. Selain daripada meningkatkan kemahiran berkhotbah, pengkhotbah juga harus sentiasa merefleksikan hal teologi.

**Perawatan:** adalah berjuang bersama dalam kehidupan dan pertumbuhan

Gereja adalah untuk menggembalakan manusia. Penggembalaan adalah menurut nama Tuhan Yesus, melalui memenuhi kebutuhan manusia, menyembuhkan luka, menampilkan kasih Allah. Ketika kita menyayangi orang lain dengan Kasih Allah, itulah tindakan untuk menggembalakan manusia.

Lu Yun mengatakan: "Perawatan pribadi oleh Gembala Allah, tidak dapat dibatasi dengan penggunaan teknik atau keterampilan, kerana kita harus melayani orang yang masih mencari Allah dalam kehidupan mereka" Dia juga mengatakan perawatan yang ditunjukkan kepada orang lain adalah bergantung kepada teknik. Ketika Gembala dapat penyangkalkan diri, setia kepada Allah, dan memahami makna penderitaan manusia, maka orang dirawat akan menemukan Allah dari seseorang yang mengulurkan tangan membantu mereka.

Bahkan, kekhawatiran terbesar adalah menghabiskan banyak masa bersama dengan orang yang kita rawati. Hal yang utama adalah kita harus membuka hati kita, meskipun proses ini sangat sulit, tetapi tindakan ini dapat membangkitkan perasaan sesama manusia dan mencapai hasil positif dalam proses rawat.



## Kesimpulan

**Kita harus belajar dari Yesus Kristus kerana mengorbankan diri demi gereja, bersedia untuk merendahkan diri, mengongsikan pengharapan dan kesulitan diri sendiri. Pada akhirnya membantu orang lain menemukan Tuhan Yesus dan berjalan bersamanya., meskipun proses itu sangat sulit, tetapi ia bernilai abadi, untuk memimpin orang keluar dari kegelapan menuju cahaya dalam Allah.**

Perkongsian oleh:  
Wilson Duat

## FORUM METHODISEM BM



Forum Methodisem ini diadakan di Gereja Ching Seng pada hari Sabtu iaitu 29/04/2017. Setiap gereja pelayanan BM wajib untuk menghantar wakil-wakil untuk menghadirinya. Diantara yang hadir ialah dari Ching Kwong, wakil-wakilnya Pastor Lim Hock Seng, Jacinta, Alex Ha, Ibu Siahaan,

Lily, Bika, Faridah, Sanam, Mesah, Desmond, Christine dan lain banyak lagi. Dari Gereja Trinity, Pastor Patrick Tae dan ahli jemaat-jemaatnya, Rev Chen Chi Fook, Pastor Chai dan ahli jemaat-jemaatnya selaku penganjur forum. Dari Gereja Matang (BM), Samarindah Preaching Point, Gereja Batu 10 (BM) dan lain-lain.

Forum bermula pada satu tengah hari. Acara dimulai dengan doa dan pujian. Diantara tetamu dan Speaker terhormat pada forum ini ialah Dr Su Chii Ann. Penterjemah dalam bahasa Malaysia ialah Sister Irene. Mereka menggunakan bahasa yang mudah dan senang difahami. Forum ini dibahagikan kepada 2 bahagian, iaitu :

Kuliah Pertama : Sejarah Methodist Keluarga Wesley

Kuliah Kedua : Iman Methodist

- a) Iman Murni (Pure Faith)
- b) Pengakuan Iman Rasul (Apostle's Creed)
- c) Artikel Agama (Articles of Religion)



Jemaat-jemaat yang hadir tidak lepas peluang untuk mendengar sambil menyalin nota, ambil gambar serta bertukar, berkongsi pendapat diantara satu dengan yang lain.

Selain itu minum dan makan roti disediakan. Saat ini waktu untuk berjabat tangan, eratkan tali persaudaraan sesama jemaat dan Rev, Pastor dan semua. Seterusnya bahagian kedua diteruskan dengan kuliah Iman Methodist. Kepercayaan Methodist adalah iman yang murni.

Forum ini keseluruhannya sangat menguatkan lagi iman kita kepada Yesus Kristus. Sebelum bersurai forum diakhiri dengan doa penutup oleh Pastor Patrick Tae.

Saudara-saudari yang saya kasihi dalam nama Yesus Kristus, kalau kita sudah dalam keluarga Methodist, jangan lepas peluang untuk ikut kerana Forum Methodisem BM banyak perkara yang perlu atau harus kita ketahui tentang Methodist. Pengasas Methodist adalah John Wesley. Hingga berjumpa lagi. Amen

## Belajar Firman Tuhan melalui Aktiviti Sains *(Oleh Jenessa Ong)*

Pada mulanya, Tuhan mencipta langit dan bumi.' Sempena bulan Julai, kanak-kanak berpeluang mempelajari Firman Tuhan melalui aktiviti sains. Cerita melingkungi ciptaan Tuhan dalam tujuh hari seperti yang dicatatkan dalam buku **KEJADIAN**. Aktiviti sains itu adalah menunjukkan sebuah gunung berapi yang merupakan ciptaan Tuhan. Bahan-bahan itu termasuk 4 biji gula mentos dan sebotol besar minuman Coca-cola. Terlebih dahulu, letakkan Coca-cola di tempat letak kereta luar gereja dan buka penutupnya. Kemudian, letakkan gula mentos itu ke dalam botol dengan serta-merta. Gas karbonat serta merta meletup keluar dari botol Coca-cola itu. Akhirnya, kanak-kanak diajar untuk menghargai ciptaan Tuhan dan juga menjaga alam semesta kerana Tuhan memberi tanggungjawab kepada kita sebagai penjaga bumi ini .




---

### ROH KUDUS - LOVE JOY PEACE- Perkongsian oleh Ibu Susana

#### Galatia 5:22-25/ 1 Korintus 13:13

Saya bersyukur kepada Tuhan kerana dapat melayani dalam pelayanan BM Gereja Methodist Ching Kwong semenjak tahun 2010. Dalam pelayanan saya selama hampir tujuh (7) tahun ini sebagai AJK gereja, saya berpeluang melayani sebagai penyambut tetamu, pemimpin persekutuan doa, pemimpin kebaktian dan menjadi bahagian dalam kumpulan puji-pijian, kelompok sel, penulisan dan persekutuan wanita.

Tetapi bagi saya tanpa kuasa dan bimbingan Roh Kudus, semua ini tidak akan bermakna bagi saya. Saya percaya tanpa Roh Kudus, saya akan menjalani tugas-tugas dalam gereja hanya sebagai satu pekerjaan atau tugas untuk dilaksana sama seperti di dalam pejabat. Puji Tuhan, Gereja Ching Kwong menyediakan kursus-kursus untuk pembangunan kerohanian seperti kelas pemuridan, kursus mengalami Allah, kursus Top 1 dan Top 2. Melalui kursus-kursus sebegini, saya lebih dapat memahami dan menjalini hubungan dengan Tuhan Tritunggal bahkan peranan sebagai satu anggota di dalam pelayanan gereja bagi kemuliaan kerajaan Allah.

Saya berterimakasih kepada semua gembala-gembala Tuhan kerana komitmen mereka dalam menjaga "kehidupan kerohanian" setiap anggota gereja dan juga kepada anak-anak Tuhan yang melayani di dalam gereja mahupun di ladang.

**TO GOD BE THE GLORY!**

## Konferensi Al-Kitab

*Oleh:  
Rosline  
Nantie*

Pada hari Sabtu, 5 Ogos 2017, Our Daily Bread bersama dengan Kommiti Gereja BM Daerah

Kuching menganjurkan konferensi Al-Kitab di gereja BM CKMC. Seramai 140 orang telah mendaftarkan diri untuk konferensi ini. Penutur adalah Rev Mike Raiter dari Australia. Beliau

dahulu adalah Pengetua Sekolah Teologi Melbourne. Kini melayan dalam organisasi Our Daily Bread. Pada hari tersebut, lebih kurang

80 orang datang mendaftar nama untuk mengikuti konferensi. Kerusi telah penuh diduduki oleh 220 orang hadirin. Mereka datang dari gereja lain seperti Gereja Chin Sing, Samarahan, St Faith, Matang, Trinity dan sebagainya. Perkongsian Rev Mike bertajuk "Bertumbuh Dalam Kristus" yang merujuk kepada pengajaran Paulus di dalam buku



Kolose. Rev Mike berkongsi dalam bahasa Inggeris dan diterjemah oleh saudara David Lau dan saudari Diana Richard Labung secara bergilir. Perkongsian bermula dari 9 pagi hingga 3 petang.

Rev Mike mengatakan kasih bertumbuh bila kita lebih membaca firman Tuhan. Kita harus menggali firman Tuhan setiap hari. Perhubungan dengan Tuhan seperti menulis surat cinta kepada

kekasih. Beliau juga memberitahu bahawa di dalam buku Kolose, Paulus yang berada di dalam penjara mengucapkan syukur dan berdoa kepada Tuhan untuk orang lain, bukan untuk dirinya.

Paulus banyak menggunakan perkataan seperti selalu, segala, semua dan tidak berhenti-henti.



Paulus berdoa agar jemaat-jemaat Kolose :

1. Berkenan kepada Tuhan dalam segala hal
2. Hidup layak di hadapan Tuhan

**3. Memberi buah dalam segala pekerjaan yang baik**

**4. Bertumbuh dalam pengetahuan yang benar tentang Tuhan**

**5. Dikuatkan dengan segala kekuatan oleh kuasa kemuliaan Tuhan**

**6. Menanggung segala sesuatu dengan tekun dan sabar**

Rev Mike juga mengatakan kita adalah doktor-doktor kristian. Kita harus mengetahui dan pasti apakah injil dan siapakah Yesus. Yesus adalah terlebih dahulu dari segala sesuatu dan segala sesuatu ada di dalam Dia, Yesus adalah kepala tubuh, Yesus adalah yang sulung, yang pertama bangkit dari antara orang mati, Ia yang lebih utamadalam segala sesuatu, seluruh kepenuhan Tuhan berkenan diam di dalam Dia, Dia memperdamaikan kita dengan Allah Bapa melalui darah salib.

Kehidupan rohani kita boleh dinyatakan dalam dua perkataan iaitu "dahulu" dan "tetapi sekarang". Rev Mike memperingatkan bahawa keselamatan kita adalah terjamin tetapi kita harus di dalam Kristus. Jangan balik kepada kehidupan dahulu iaitu menanggalkan pakaian lama dan memakai pakaian baru. Di mana kehidupan keluarga teguh, di situ gereja akan menjadi teguh. Kekristianan yang sebenar hanya dapat dilihat dari kehidupan di rumah. Keluarga adalah gambaran Kristus dengan gereja. Maka tunjukkan gambaran Kristus di dalam rumah kita kepada dunia. Rev Mike ada memberi beberapa nasihat kepada ibubapa.

Kata akhir dari Rev Mike : taati Tuhanmu, bekerja dengan sepenuh hatimu, takut akan Tuhan, hidup dengan dedikasi serta melakukan adil dan jujur. Perkongsian yang di bawa oleh Rev Mike sikit sebanyak sudah tentu memberikan kita kesaksian yang baik dan

teladan yang baik bertumbuh dalam Kristus. Rev Mike juga boleh dijadikan inspirasi kepada jemaat-jemaat yang kini sedang bertumbuh di dalam Kristus.

Berterima kasih kepada Our Dairy Bread kerana telah menjayakan program ini. Tetamu-tetamu yang hadir juga kelihatan gembira kerana banyak buku-buku rohani yang telah disediakan dari Our Daily Bread. Oleh disebabkan buku itu percuma, tetamu nampak sangat berminat dan gembira kerana berpeluang membaca buku-buku rohani itu.

Pada hari konferensi tersebut juga kami dapat mengenali ramai saudara seiman dan kawan-kawan lama dari gereja lain. Di situ kita juga dapat melihat pertumbuhan rohani kawan-kawan seiman kita. Kita juga turut merasakan kasih Tuhan itu benar dan baik sekali kerana semua yang kita lakukan dengan ikhlas. Pengorbanan Yesus Kristus itu sempurna sekali sehingga melayakkan kita datang kepada Dia.

Terima kasih juga kepada AJK-AJK yang hadir pada hari tersebut walaupun ada sedikit kelim kabut namun kita semua bersukacita kerana ini pengalaman yang baik bagi kita untuk melayan antara satu sama lain.



## KEM LELAKI GEREJA METHODIST CHING KWONG(BM) 2017

KEM LELAKI –SEMATAN BEACH ,LUNDU 30HB APRIL-1HB MEI 2017



Pada 30hb April 2017, kami telah menganjurkan kem lelaki di Sematan, Kuching. Kem ini berlangsung selama 2 hari dan satu malam. Kami menginap di sebuah rumah dan jalan ke pantai yang tersendiri. Kami memulakan perjalanan selepas makan tengah hari. Dalam perjalanan, kami telah melalui pelbagai jalan yang jarang diguna. Kami juga telah menaiki feri dan melihat permandangan yang cantik di sekitarnya. Perjalanan yang jauh itu telah menjadi singkat kerana kami semua berborak dalam perjalanan tersebut.

Selepas sampai kami mendapati bahawa rumah itu telah dibersihkan dan pendingin hawa telah dibuka. Kami telah diberitahu oleh penjaga rumah tentang keadaan di sana. Kemudian kami mengambil masa untuk berehat dan berjalan di pantai. Kami juga telah pergi ke pasar Sematan untuk mencari ikan tetapi tidak berhasil. Kami memulakan aktiviti bbq kami pada pukul 6 lebih. Walaupun serba kekurangan, kami tetap dapat menyalakan api. Pelbagai makanan disediakan pada malam itu. Kami bbq sayap ayam dan daging babi. Kami juga telah menyediakan sup sayur, telur, nasi serta buah- buahan. Makanan yang kami sediakan lebih dari mencukupi untuk semua orang. Sambil makan dan berborak, kami telah menghabiskan masa malam dengan lebih mengenali satu sama lain.





Pada pagi 1hb Mei 2017, kami telah memulakan pagi kami dengan saat teduh. Kami telah belajar dari buku Kolose 3:12-17. Dalam perkongsian tersebut, kami lebih memahami tentang Firman Tuhan. Walaupun senang dibaca dan difahami tetapi melakukannya tidak semudah seperti yang dibacakan. Masing-masing mempunyai kesukaran dan kesulitan yang tersendiri di dalam hidup. Selepas itu, kami memulakan aktiviti pagi dengan mandi di pantai. Ciptaan Allah memang ajaib dan cantik. Ombak –ombak yang besar dan kecil telah membersihkan dan menyegarkan kami.

Selepas itu, kami berjalan di pantai sambil mengutip kerang. Kami bertolak dari Sematan selepas makan tengah hari dan singgah di rumah saudara Thomas. Kami melihat keunikan rumahnya dan berdoa untuk keperluannya. 2 hari 1 malam di Sematan sememangnya singkat tetapi membawa banyak kenangan yang manis di dalam hidup kami. Biarlah semua lelaki dapat menghadiri kem dan aktiviti-aktiviti di gereja pada tahun ini. Tuhan memberkati

semua.

*Ditulis Oleh, Alex Ha*

*Perkongsian oleh Ibu Siahaan*

## **Orang yang Mencintai Harta Tidak Memilikinya**

(Kejadian 13:1-18)



Setiap manusia ingin sukses dalam hidupnya. Tetapi fakta membuktikan bahwa kekayaan dan kemewahan tanpa takut akan Tuhan akan membawa malapetaka. Seperti Lot yang mencintai harta dunia, dia lebih mengasihi keuntungan pribadi daripada membenci kejahatan Sodom, Lot menduakan Tuhan ( Kej 13:12), pilihan Lot di lembah Yordan bukan karena Iman sehingga mendatangkan kematian dan tragedi dalam hidup keluarganya. Apa yang Lot kejar malah ia tidak memilikinya, isterinya mati menjadi tiang garam. Standard moral Lot sangat rendah disebabkan perbuatannya bahkan keturunannya menjadi orang kafir itulah Moab dan Bani Amon.

Demikian juga bagi kita yang hidup pada zaman sekarang ini, janganlah mengasihi dunia dan apa yang ada didalamnya, orang yang mengasihi dunia, maka kasih akan Bapa tidak ada di dalam orang itu (1 Yoh 2:15).

Dosa selalu menggoda namun, Allah memberikan kemampuan untuk melawan dan menolak dosa dengan tunduk pada FirmanNya, dengan bantuan kasih karuniaNya . Manusalah yang memilih apakah mereka akan menyerah kepada dosa atau mengalahkannya. Seperti contoh, yang dapat kita lihat : Kalau setiap hari minggu apakah kita memilih taat akan perintah Tuhan untuk datang ke Gereja atau malas datang karena tawaran/ganjaran penghasilan lebih banyak diterima pada hari minggu .

Kita harus bertanya apakah hati saya lebih tertarik kepada hal-hal dunia daripada kepada Yesus. Orang percaya yang hatinya terikat pada sistem dunia yang tercemar ini tidak akan terlepas dari murka Allah dan kebinasaan yang akan dialami oleh orang yang tidak beriman .

Perkongsiaran daripada: Ibu Pantai

## HUBUNGAN INTIM DENGAN TUHAN

Puji Syukur kepada Tuhan atas kesempatan yang di berikan kepada saya untuk mengkongsikan pengalaman manis dalam membaca Alkitab. Boleh dikatakan setiap hari saya sangat sibuk dengan perkerjaan saya dan menyebabkan saya terpaksa tidur akhir dan bangun awal setiap pagi. Keletihan yang begitu amat sekali membuat saya susah untuk membaca Firman Tuhan dengan konsisten.

Sebagai anak yang dikashi Tuhan, kesibukan bukanlah penghalang untuk saya terus bersama Tuhan setiap hari. Tuhan tidak mahu membebaskan kita, membaca Firman Tuhan merupakan inisiatif kita sendiri. Tuhan tidak pernah memaksa kita untuk membaca firmanNya selama 24 jam, tetapi cukuplah apabila kita sanggup meluangkan sedikit masa sekurangnyanya 15 minit dan kita setia melakukannya. Kita tidak tahu apa yang akan terjadi dalam hidup kita setiap hari, oleh itu Firman Tuhan amatlah penting agar kita boleh tetap teguh di dalam iman kita ketika kita mengalami cabaran /cobaan.

Selaku orang Kristen, kita haruslah sentiasa bersiap sedia menerima/menghadapi segala cabaran yang Tuhan izinkan terjadi dalam hidup kita dengan terus bersandar kepadaNya. Pengalaman/cabaran hidup yang suram di perlukan untuk membina otot dalam jiwa kita. Jangan malas membaca Firman Tuhan, kerana Firman Tuhan dapat menolong memberi jalan keluar dan jawapan bagi setiap pergumulan hidup kita di dunia yang gelap ini.

## BERSERULAH ke p a d a TUHAN dengan SEPENUH HATI



"Berserulah kepada-Ku, maka Aku akan menjawab engkau dan akan memberitahukan kepadamu hal-hal yang besar dan yang tidak terduga, yakni hal-hal yang tidak kauketahui."

-Yeremia 33:3



**Mazmur 1: 1-6, 2 Timotius 3:16 dan Amsal 8 : 17; Hiduplah dalam hadirat Tuhan, ayat Firman Tuhan ini selalu mengingatkan dan menguatkan saya. Sebagai contoh, kita makan nasi setiap hari untuk memberi kekuatan bagi tubuh badan kita, begitu juga kita memerlukan Firman Tuhan untuk menguatkan tubuh rohani kita. Marilah kita sama-sama membina hubungan yang intim dengan Tuhan setiap hari...Amen!**



## Bangun, Berdoa dan Berkerjalah

### SUKACITA DI DALAM TUHAN

(OLEH DEXTER PETER)

Pada 16 Jun 2017, jam 11 pagi sehingga 12 tengahari, di bilik koir merupakan minggu sukaneka bagi persatuan pemuda-pemudi. Saya sebagai AJK muda-mudi BM sangat bersyukur kerana Tuhan telah memimpin dan menyertai aktiviti yang kami lakukan sehingga selesai. Bukan sahaja aktiviti tersebut dilakukan dengan penuh sukacita malahan dapat mengeratkan silaturahim antara satu sama lain. Seramai 30 orang termasuklah pelajar Kolej I-System dan juga orang bakal pastor yang baru balik dari Sabah iaitu Headtly, Geff dan Joseph. Aktiviti ini juga dibantu oleh tiga sahabat saya. Seterusnya, kami telah menganjur dua aktiviti iaitu sedut kacang hijau dengan menggunakan stro dan juga mencari gelang getah di dalam tepung. Setiap orang telah dibahagikan 3 kumpulan untuk saling kenal antara satu sama lain. Selain itu, dapat bekerjasama dalam kumpulan. Setiap orang bersukacita di dalam Tuhan walaupun hanya satu jam persekutuan. Sepanjang aktiviti dilakukan, setiap kumpulan berusaha keras untuk mengalahkan kumpulan yang lain sehingga games yang terakhir selesai. Setiap kumpulan juga diberikan hadiah atas setiap usaha yang dilakukan. Dengan cara ini, muda-mudi Ching Kwong dapat mengeratkan hubungan. Saya sangat bersyukur dan berterima kasih kerana bertumbuh dalam Tuhan. Bangunlah berdoa, dan bekerja. **Filipi 4 : 4 "Bersukacitalah sentiasa dalam Tuhan".**

## Menarilah Untuk Tuhan !

*Pujilah Dia dengan rebana dan tari-tarian, pujilah Dia dengan permainan kecapi dan seruling! - Mazmur 150 : 4*

Sebagai orang percaya, saya yakin bahawa apa yang kita fikirkan, ucapkan atau lakukan harus didasari oleh Firman Tuhan.. Tarian adalah ekspresi hati pada waktu kita sedang bersukacita, ini menunjukkan bahawa sukacita bukanlah sesuatu yang harus dinyatakan dengan diam atau sesuatu yang hanya disimpan dalam hati..

Tarian adalah sesuatu yang disebut dalam Alkitab sebagai bentuk penyembahan kepada Tuhan, ada orang yang menari untuk memuliakan Tuhan dengan talenta yang diberi oleh Tuhan.. Malah, tarian juga boleh dipakai untuk memberitakan menyampaikan kebenaran Tuhan Yesus tanpa berkhotbah atau sebagai alat untuk berkomunikasi bagi menjangkau orang lain dengan injil..

Itulah kerinduan ibu-ibu pelayanan BM, kami mau memakai tarian sebagai salah satu cara untuk menjangkau ibu-ibu diluar sana untuk datang ke gereja tambahan ibu-ibu diluar sangat meminati tentang tarian dan muzik.. Bersyukur kepada Tuhan, kami telah diberi peluang untuk belajar menari di Dayak Cultural Foundation di Tun Jugah Tower tanpa dikenakan sebarang bayaran, melalui kelas tarian ini saya dapat melihat semangat dan kerinduan ibu-ibu untuk memajukan diri dalam tarian dan melalui kelas tarian ini juga secara langsung telah mengeratkan lagi hubungan ibu-ibu yang terlibat .



*Ditulis oleh ibu  
Jacinta*

### WAKTU TUHAN - OLEH JACINTA

Ada seorang wanita, yang 12 tahun lamanya mengalami pendarahan, sekian lamanya dia mengerahkan segala kekuatannya untuk dapat mengalami kesembuhan, dapat kita bayangkan betapa banyak wanita ini telah mencururkan air mata dan hampir putus asa, hari dan saat wanita ini melangkah menghampiri Tuhan, dia tidak menyangka bahwa waktu Tuhan telah tiba baginya. Di tengah kerumunan banyak orang, dan dari satu sentuhan, telah mengubah segalanya dalam hidup wanita ini. ( **Lukas 8:43-44** )

Mungkin ada diantara kita yang sedang mengalami dan menghadapi keadaan yang sama seperti apa yang dialami oleh wanita ini. Mungkin masalah penyakit yang tidak ada ubatnya, pekerjaan yang sudah hancur, atau perkawinan yang mengalami jalan buntu, mungkin selama ini kita sudah habis- habisan mempertaruhkan segala yang kita miliki tetapi akhirnya .....mengecewakan!

Tetapi kita boleh belajar bahwa waktu Tuhan, bukan waktu kita, belajar untuk tetap setia dan memegang janji Tuhan. Siapapun kita dan apapun masalah kita, datanglah kepada **YESUS KRISTUS** , teladanilah iman wanita ini, dia menguatkan hatinya dan datang kepada Tuhan dan tidak lagi mengandalkan kekuatan dan caranya sendiri untuk sembuh,tapi sungguh-sungguh berserah dan percaya bahwa **YESUS KRISTUS** yang adalah Sumber Kehidupan sanggup dan akan memulihkan dan menyembuhkan setiap kita yang datang padaNya dengan cara dan waktuNya....amen!

Perkongsian oleh Jacinta

### MERESPONI KASIH ALLAH

Kasih Allah Bapa memang sangat luar biasa dalam hidup kita, Yesus Kristus telah mati untuk kita, tebus dosa kita, mengampuni kesalahan kita, mengangkat kita dari lumpur dosa dan membebaskan kita dari segala kutuk dan belenggu kejahatan. Bukan itu sahaja, kerana kemudian Allah Bapa mengangkat kita menjadi anak-Nya@anak Raja, Yesus Kristus memberikan kemenangan, mujizat bahkan memberikan kepastian syurga dan jaminan hidup yang kekal buat orang yang percaya kepadaNya. Saat kita merenungkan kembali kasih Allah yang begitu besar dalam hidup kita dan membandingkannya dengan masalah yang kita hadapi, manakah yang lebih besar?? Masalah@beban berat yang kita hadapi atau kasih Allah yang telah kita terima??

Secara jujur, memang kasih Allah yang kita terima jauh lebih besar dari apapun masalah@pergumulan yang harus kita hadapi...Masih sanggupkah kita memberi alasan “malas” untuk datang ke gereja @ bersekutu dengan Allah Bapa?? Sering kali saya dan saudara menjadi orang yang tidak tahu bersyukur, walaupun sudah terlalu banyak perkerjaan baik yang Allah Bapa telah lakukan dalam hidup saya dan saudara. kasih Allah dicurahkan dengan limpahnya atas hidup kita. Hanya persoalannya adalah, “**bagaimana kita meresponi kasih Allah dalam hidup kita**”. Marilah kita sama-sama belajar untuk hidup intim dengan Allah Bapa setiap hari dan meresponi kasih Allah dengan benar.

**BERSYUKUR...BERSAKSI...BERSUKACITA...MENGENAL DAN Mencari TUHAN LEBIH SUNGGUH LAGI.....Amen!**



### 10,000 REASONS

#### Mazmur 103

*Perkongsian oleh: Ibu Susana*

Baru-baru ini, saya terdengar sebuah lagu pujian saudara Matt Redman, seorang penyanyi gospel barat. Lagu pujian digelar “10,000 Reasons” atau diterjemah kepada bahasa kita, 10,000 sebab atau alasan. Ya, 10,000 sebab atau alasan untuk memberkati Tuhan kita atas kemuliaanNya dalam kehidupan kita.

Puji Tuhan, Pengerusi BM Ibu Sim Siok Wei telah memilih lagu pujian ini untuk perayaan PriBumi tahun ini di gereja Ching Kwong sebagai penyembahan kepada Tuhan pencipta bumi dan syurga. Semua jemaah dan AJK BM gereja dijemput untuk menyanyi bersama.

Seperti yang disampaikan oleh Raja Daud dalam Mazmur 103, nikmatilah perkataan-perkataan lagu pujian 10,000 reasons:-

**Bless the Lord O my soul, O my soul  
Worship His Holy Name  
Sing like never before O my soul  
I worship Your Holy Name**



## ▶ 6 TANDA KEMATANGAN ROHANI


(Perkongsian Pastor Lim)

Perjalanan hidup manusia bergerak dari sifat kanak-kanak menjadi sikap dewasa yang matang. Demikian juga perjalanan kerohanian seseorang, bergerak dari sifat duniawi menuju sifat kristian yang matang.

Yang dimaksud kematangan rohani adalah sebuah keadaan rohani seseorang yang ditandai sejumlah hal berikut ini:

- (a) **Karakter dan kepribadiannya sudah dewasa**
- (b) **Dapat mengendalikan emosi**
- (c) **Hubungannya dengan Tuhan sangat dekat**
- (d) **Hubungannya dengan sesama harmonis**
- (e) **Dia melayani Tuhan dengan sepenuh hati.**

Brad Waggoner dalam bukunya "The shape of Spirituality to come" mengatakan : melayani Tuhan dan sesama adalah tanda dari kematangan rohani. Dalam faktanya,



tanpa pelayanan, pembaharuan rohani menjadi tidak mungkin terjadi!

**Terdapat 6 tanda kematangan rohani itu dalam 6 bidang kehidupan**

### 1. Pemikiran-pemikirannya

Kematangan rohani berawal dari pemikiran kita. Kalau pemikiran kita sudah sejalan dengan Firman Tuhan, maka kita akan tumbuh menjadi matang!

Oleh sebab itu kita harus mendisiplinkan pemikiran kita agar selalu selaras dengan Firman Tuhan. Ketika pikiran kita dibaharui maka, hidup kita akan berubah.

**Menurut Filipi 4:8, pikiran kita harus dipenuhi hal-hal berikut ini :**

- (a) **Yang benar** – maksudnya kebenaran sesuai Firman Tuhan
- (b) **Yang mulia** – hal-hal yang mulia seperti kasih, kemurahan hati dan sebagainya
- (c) **Yang Adil** – hal-hal yang berkaitan dengan prinsip keadilan
- (d) **Yang suci** – hal-hal yang kudus/suci
- (e) **Yang manis** – hal-hal yang menyenangkan
- (f) **Yang sedap di dengar** – kata-kata yang enak ditelinga (pujian, penghargaan)
- (g) **Kebajikan** – hal-hal yang baik berkaitan dengan moralitas
- (h) **Yang patut dipuji** – hal-hal yang mendatangkan pujian.

### 2. Kata-katanya – Yak. 1:26

Kematangan rohani nampak juga dalam kata-kata yang kita ucapkan.

Jika kita terus-terusan mengucapkan kata-kata yang "jahat" (negatif), maka rohani kita sulit untuk bertumbuh!

**Ingat, hidup atau mati dikuasai oleh lidah (perkataan) kita! – Ams. 18:21**

Oleh sebab itu orang yang sudah matang rohaninya hanya akan mengucapkan kata-kata yang membangun dan menghidupkan semangat orang lain! Misalnya:

- (a) Kata-kata Pujian

(c) Kata-kata penghiburan

### 3. Tindakannya – Yak. 2:26

Kematangan rohani juga tercermin dari setiap tindakan yang kita lakukan. Bagaimana kita bertindak/bekerja akan mengungkapkan seberapa rohani diri kita. Orang yang matang rohani akan bertindak/bekerja dengan penuh tanggung jawab. Seseorang itu tidak bekerja dengan asal-asalan dan tanpa menjaga kualitas.

#### Contoh:

(a) **Nuh (Ibrani 11:7)** bekerja dengan penuh tanggung jawab menyelesaikan bahtera sebagaimana diperintahkan oleh Tuhan.

(b) **Kornelius (Kisah Para Rasul. 10:1-2)** senantiasa berdoa dan berbuat baik kepada mereka yang membutuhkan.

(c) Tuhan Yesus berkeliling kota untuk menyembuhkan dan mengabarkan injil

Orang yang matang rohani bukanlah orang yang malas dan pasif. Tetapi orang yang bekerja keras dan selalu berbuat baik, buah hidupnya nyata dinikmati orang lain.

### 4. Sikapnya

Orang yang matang secara rohani tercermin dari sikap yang diperlihatkannya

#### Contohnya :

(a) Dia bersikap bertanggung jawab mengembangkan apa yang dipercayakan kepadanya.

Dalam perumpamaan tentang Talenta (**Maius 25 :14-30**) hal ini ditunjukkan oleh hamba ke 1 dan ke 2. Sementara yang ke 3 tidak bertanggung jawab.

(b) Dia bersikap tidak membeda-bedakan baik kepada orang miskin maupun kaya – **Yak. 2 :1-5**

(c) Dia tidak pilih kasih (band. Sikap Ishak dan Ribkah terhadap Esau dan Yakub – **Kej. 25 :29-34** ).

(d) Dia rendah hati (pencuri yang dibelah Yesus, yang satu sombong, yang satu rendah hati - **Luk. 23 :39-43** ).

### 5. Reaksinya

Kematangan rohani tercermin dari reaksi seseorang saat mengalami pengalaman pahit (penderitaan). Contoh:

(a) Yesus bereaksi secara baik dengan cara mengampuni mereka yang menyalibkannya – **Luk. 23 :34**

(b) Stephanus juga bereaksi sama dengan Yesus, dia mendoakan mereka yang merajamnya dengan batu – **Kis. 7:54-60**

(c) Ayub, berlutut dan menyembah Tuhan saat tahu anak-anaknya mati dan harta bendanya hilang – **Ayub 1 :13-22**

Semua contoh di atas menunjukkan bahwa seorang yang sudah matang rohaninya akan bereaksi dengan baik (tidak marah-marah, tidak ngambek, tidak protes kepada Tuhan dsb), saat mereka mengalami kepedihan/penderitaan.

### 6. Keinginan-keinginannya

Kematangan rohani terlihat dari keinginan-keinginan dan kerinduan-kerinduannya!

Orang yang matang rohaninya akan mencari perkara-perkara yang di atas (rohani) lebih dari perkara-perkara duniawi – **Kol. 3 :1-2**

Orang yang matang rohani juga selalu berusaha mencari kehendak dan tujuan Tuhan untuk dirinya! Keinginan-keinginannya selaras dengan kehendak Tuhan.

**Kesimpulannya, orang yang matang rohaninya akan bersikap, berpikir, bertindak dan bereaksi secara tepat sesuai dengan kehendak Tuhan. Hidup melayani Tuhan dan sesamanya dengan sepenuh hati.**



Sukaneka Muda Mudi



Ladang Itik di Bako

3 September 2017



Sunday Market



Keluarga Lily



Aktiviti-Aktiviti Ching Kwong

# Aktiviti aktiviti Ching Kwong



pembukaan  
Gawai 2017




Jun  
2017



Penutupan Gawai CMCK 2017



Hari IbuBapa



upacara  
pembaptisan &  
penequhan







Tarikh: 23/4/17- Di Tulis Oleh: Yurica Kiu  
**Laporan Hari Bowling BM**

Masa : Pukul 2 tengahari

Tempat: Riverside Bowling Centre

Jumlah peserta: 26 orang

Kami berkumpul di Riverside Bowling Centre pada pukul 1.30 dan aktiviti kami bermula pukul 2 pm. 26 orang peserta adalah dari persekutuan pemuda-pemudi dan persekutuan wanita. Bersyukur kepada Tuhan atas peluang untuk bergabung bersama-sama untuk menjalankan aktiviti luar gereja. Bersyukur dan berterima kasih juga kepada Tuhan kerana telah melancarkan aktiviti bowling pada sepanjang hari. Ramai ibu-ibu pertama kali bermain bowling. Ahli-ahli jemaat semua enjoy dan amat gembira kerana aktiviti ini telah merapatkan tali persaudaraan antara jemaat-jemaat sekalian. Kami juga tidak sabar-sabar untuk mengikuti aktiviti yang seterusnya pada tahun berikutnya.

Penyampaian hadiah dijalankan selepas kebaktian pada 21/5/2017. Sekian, terima kasih.

## Mengenal Dan Menentang Musuh-mu Mendengar Dan Menurut Perintah Tuhan-mu (Oleh Ibu Loh)

Awal bulan Julai, negara Amerika mula memasuki musim panas. Ramai orang mengambil kesempatan musim panas yang hanya selama 3 bulan untuk mengerjakan kebun bunga di halaman rumah. Saya sememangnya tidak biasa duduk diam di dalam rumah. Saya berfikir elok juga sekira saya membuang rumput liar di bawah pokok bunga. Ini bukan sahaja boleh melepaskan masa bahkan boleh berpeluh menyihatkan badan.

Bila abang mengetahui saya hendak mengerjakan kebun bunga di halaman rumah, dia memesan saya untuk memakai baju lengan panjang dan seluar panjang. Dia memberitahu saya ada sejenis pohon liar yang daunnya kelihatan berkilat dan bercabang tiga. Namanya "Poison Ivy".

Bila terkena "Poison Ivy" harus cepat-cepat mandi dan mencuci pakaian dengan segera. Jikalau tidak, racun "Poison Ivy" akan merebak ke bahagian badan yang lain melalui sentuhan tangan. Tanpa menanya abang untuk mengetahui lebih tentang "Poison Ivy", saya pun keluar ke halaman rumah tanpa menukar baju dan membalas abang "jangan awak risau, tak akan ada apa-apa hal terjadi".

Dua hari berterusan saya mengerjakan kebun rumah. Pada pagi hari yang ketiga, di kedua belah kaki dan tangan saya kelihatan berpuluh biji bintik hitam. Seperti tahi lalat. Tiada rasa gatal. Saya tidak memperdulikan ia. Beberapa hari kemudian, sekeliling bintik-bintik hitam kelihatan merah. Waktu itu terasa gatal-gatal ditempat-tempat tersebut. Saya menunjuk kepada abang dan dia pasti saya terkena "Poison Ivy". Disuruh saya menyapu krim pencegah gatal. Keesokkan saya ke tempat anak perempuan selama 5 hari. Petang Sabtu saya balik semula ke rumah abang sebelum saya balik ke Malaysia pada malam Selasa. Malam Sabtu waktu makan malam saya ada menjamah setengah ekor ketam. Tidak sangka pada larut malam tempat jangkitan "Poison Ivy" bertambah gatal sehingga saya tidak tertahan dan menggaru. Sepanjang malam tidak dapat tidur. Dua malam harus menggunakan ais untuk melegakan kegatalan dan

memakan ubat gatal untuk menolong saya tidur. 32 jam perjalanan balik membuatkan kulit saya menjadi kering dan tegang. Ini memperburukkan lagi keadaan kulit saya (boleh dilihat dari gambar). Sepanjang perjalanan saya tidak dapat tidur, saya tidak berhenti-henti berdoa. Memohon tiada demam dan dapat bertahan sampai balik. Waktu itu badan saya ada terasa sejuk dari dalam. Saya sampai di Kuching pada hari Khamis 9pm. Keesokkan pagi pergi berjumpa doktor. Diberi suntikan dan terpaksa makan ubat antibiotik. 2 minggu kemudian tempat-tempat merah baru hilang. Kini masih tinggal beberapa bintik kecil yang masih dirawat.


Kejadian ini terjadi kepada saya kerana saya tidak mendengar cakap abang memakai baju lengan panjang dan seluar panjang melindungi diri dari terkena "Poison Ivy". Saya seperti bangsa Israel yang keras leher, yang tidak mahu mendengar teguran dan menurut perintah Tuhan.

Rasul Paulus menyatakan di dalam **Efesus 6 : 11** - Kenakanlah seluruh perlengkapan senjata Allah, supaya kamu dapat bertahan melawan tipu muslihat iblis.

**Yakobus 4 : 7** - Kerana itu tunduklah kepada Allah dan lawanlah iblis, maka ia akan lari dari padamu. Saudara-saudari di dalam Kristus, di dalam peperangan rohani, kita harus mengenal dan menentang musuh kita si iblis, juga harus mendengar dan menurut perintah Tuhan dengan mengenakan seluruh perlengkapan senjata Allah agar kita dapat bertahan dan memenangi musuh. Jikalau



tidak kita akan mengalami kecederaan parah seperti kes saya terkena keracunan "Poison Ivy". Biar ini menjadi ingatan kepada kita semua.



## I LOVE MALAYSIA-DITULIS OLEH JENSSICA

Bulan Ogos sangat luar biasa kerana hari kemerdekaan Malaysia ke-60 tertanggal pada bulan ini. Sempena bulan ini, cikgu telah memperkenalkan bendera Malaysia kepada kanak-kanak supaya mereka boleh memahami 'Jalur Gemilang' dengan lebih dalam lagi. Contohnya, 14 jalur merah dan putih bererti 13 buah negeri dan Kerajaan Persekutuan. Bunga raya turut merupakan bunga kebangsaan Malaysia. Kanak-kanak juga amat bersemangat menyanyikan lagu Jalur Gemilang bersama-sama dengan cikgu. Yang terakhir dan yang terpenting, kanak-kanak diajar kali pertama untuk berdoa untuk kerajaan, pemimpin negara, keamanan dan pendidikan Malaysia. Diharapkan kanak-kanak boleh menjadi askar doa sejak kecil lagi.





**Negaraku**

**Negaraku  
Tanah tumpahnya darahku,  
Rakyat hidup  
bersatu dan maju,**

**Rahmat bahagia  
Tuhan kurniakan,  
Raja kita  
selamat bertakhta,**

**Rahmat bahagia  
Tuhan kurniakan.  
Raja kita  
selamat bertakhta**

## RUKUN NEGARA

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,  
berikrar akan menumpukan seluruh tenaga  
dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut  
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

1. Kepercayaan kepada Tuhan.
2. Kepercayaan Kepada Raja dan Negara.
3. Keluruhan Perlembagaan.
4. Kedaulatan Undang-undang.
5. Kesopanan dan Kesusilaan.



**“ Tetapi orang yang bertahan sampai pada kesudahan akan selamat” ”(Matius 24:13)**

#### Perkongsiannya Saudara Bong Ted Fui

Saya yakin tidak seorang pun yang terlepas dari menghadapi pelbagai masalah dan cabaran dalam hidupnya. Baik dari segi perkerjaan, kesihatan, keluarga, kewangan dan pelayanannya. Kesetiaan saya dan kita akan teruji saat kita mengalami keadaan yang sangat menekan. Bagi saya satu pertanyaan yang selalu datang dalam fikiran saya, “Apakah Tuhan masih menyayangi saya?” Sepertinya TUHAN tidak mendengar doa saya yang memohon kesembuhan daripadanya. Saya mengaku adakalanya saya merasa kecewa dan berputus asa, apakah saya harus mempertahankan iman saya..

Isteri saya selalu mengingatkan kepada saya, bahwa saat TUHAN mengizinkan sesuatu itu terjadi, TUHAN pasti punya rencana dan rencananya adalah yang terbaik untuk saya dan kita semua. Sikap saya yang selama ini lebih banyak melihat kepada masalah daripada KASIH TUHAN telah menutupi mata saya selama ini untuk melihat betapa banyaknya berkat dan penyertaan TUHAN dalam hidup saya yang sungguh luar biasa dan agung. Firman TUHAN dalam 1Korintus 10:13, banyak memberi kekuatan, penghiburan dan pengharapan kepada saya. Tetapi apakah saya dan kita masih mahu memandangi dan memikul masalah yang ada sendiri atau datang kepada Yesus Sumber Kehidupan dan membiarkan TUHAN yang menyelesaikan semuanya untuk saya dan kita?

Ya, TUHAN memang tidak pernah meninggalkan dan melupakan pekerjaan tanganNya, Allah kita bukan Allah yang pendendam, Allah kita bukan Allah yang pilih kasih. Memang TUHAN membenci dosa, tapi itu bukan bermaksud TUHAN membenci orang-orang berdosa, TUHAN mengasihi semua orang termasuk saya orang yang berdosa, TUHAN mempunyai rencana yang indah untuk orang-orang berdosa, jika kita mau kembali kepadanya, maka Allah akan menyatakan kemuliaanNya dalam hidup kita.

Seseorang yang takut akan TUHAN adalah seorang yang bersukacita dan semakin intim dengan TUHAN dalam menghadapi segala hal yang TUHAN izinkan. Kerana jika saya dan kita memiliki rasa hormat dan takut kepada TUHAN, saya dan kita harus mengerti bahwa apapun yang TUHAN izinkan terjadi dalam hidup saya dan kita semuanya mendatangkan kebaikan...amen!



## Puji, hormat dan kemuliaan diberikan kepada Tuhan Tri-Tunggal. Tuhan sungguh baik bagi saya.-oleh Ibu Loh

Televisyen rumah yang bersama kami 20 tahun sudah rosak pada bulan Mac. Sampailah masa untuk membeli televisyen baru. Saya sekeluarga berbincang jenis televisyen apa yang sesuai untuk penggunaan di masa kini dan masa hadapan. Kami telah membuat keputusan untuk membeli televisyen internet Panasonic atau Sony ukuran 43". Terdahulu kami mengunjungi kedai elektronik di BDC. Akan tetapi ukuran 43" kehabisan stok. Jika hendak menunggu tempahan baru, harus tunggu hingga bulan Jun. Maka kami mengunjungi kedai elektronik di Boulevard, lalu The Spring kemudian Batu 7. Kesemuanya kehabisan stok ukuran 43". Ukuran 49" ada stok tetapi terlalu besar untuk bilik tamu rumah kami. Bersyukur kepada Tuhan, tuan kedai di Batu 7 dengan ikhlas memberitahu kami model yang kami pilih itu akan diberhentikan pengeluaran beberapa bulan lagi. Itulah sebabnya mereka menjualnya dengan harga yang murah. Jikalau beli, kemudian hari mungkin ada masalah sokongan perkhidmatan. Akhirnya kami ke Court, di Rock Road. Promoter lelaki asyik menyuruh kami mempertimbangan televisyen Sony. Di situ ada ukuran 43". Harganya lebih murah dari Panasonic. Dia beritahu kami tiada stok. Hanya unit pameran sahaja yang tinggal. Itulah sebabnya dijual dengan harga murah. Promoter lelaki ke tempat lain memberi kami masa berbincang untuk membuat keputusan. Kami setuju membelinya. Ketika itu, anak saya terlihat kaca di bahagian tepi televisyen telah tergarit. Tidak jadi kami membelinya. Maka saya berjumpa promoter perempuan yang duduk di meja tidak jauh dari situ. Saya meminta dia membuat tempahan unit baru untuk model pameran itu. Katanya mereka ada stok. Ada 3 unit baru. Dia membawa saya untuk melihat dan memastikan model adalah betul. Kami membeli televisyen dengan harga yang sama dengan unit pameran.

Keputusan yang harus kami buat seterusnya adalah samada menukar perkhidmatan telekom dari streamyx ke unifi atau memasang satellite untuk menonton goodtv taiwan ( siaran agama kristian ). Suami dan anak pada mulanya hendak menukar ke unifi. Bila saya mengumpulkan maklumat-maklumat unifi dan membuat perbandingan, kami harus menambah \$70 sebulan berbanding dengan bayaran untuk streamyx 4Mbps yang kami ada sekarang. Saya rasakan 8Mbps sudah mencukupi untuk penggunaan kami. Kerani telekom memberitahu ada promosi 8Mbps. Kami boleh upgrade ke 8Mbps tanpa dikenakan apa-apa bayaran tambahan malah diberikan satu televisyen box seperti unifi. Terima kasih Tuhan, kami dapat menikmati goodtv tanpa gangguan pertalian internet, tayangan televisyen tidak tergendala.

Pada minggu ke-3 bulan April, tiada talian internet di rumah masa. Waktu itu berlaku ribut petir. Saya telah membuat laporan kepada Telekom melalui talian 100. Tiada respon dari mereka, maka pagi hari saya pun ke Pejabat Telekom Batu Lintang untuk membuat pengaduan. Semasa menunggu giliran, saya pun berfikir bagaimana berkomunikasi dengan officer nanti. Tak baik menggunakan perkataan "complain", nanti hatinya tidak selesa lalu menyusahkan saya pula. Kalau begini, perkataan apa harus saya guna. Terlintas di kepala, harus bertutur dengan lemah-lembut. Maka ketika berdepan dengan officer, saya menggunakan "melapurkan". Officer itu bertutur dengan lemah-lembut juga. Pada petang tersebut, technician telekom datang ke rumah. Terima kasih Tuhan, technician ini, David, orang Bidayuh sungguh bertanggung jawab. Dia membuat pemeriksaan dengan teliti. Katanya modem rumah saya telah rosak. Disuruhnya beli modem baru dan hubunginya jikalau masih ada masalah. Modem baru yang David perkenalkan juga tidak menyelesaikan masalah. Kebesokan hari, David datang dan memeriksa kabel luar dan talian wayar luar. Saya meminta David menyelesaikan masalah secepat mungkin kerana anak perlu membuat soalan tahun lepas untuk persiapan peperiksaan di awal bulan Mei dan saya memerlukan komputer untuk majalah gereja. David sungguh mengerti situasi yang kami hadapi. Memandangkan talian talipon rumah sudah 20 tahun, David membuat cadangan untuk memasang talian wayar baru. Dia berusaha menghubungi technician yang bertanggung jawab untuk masalah talian luar rumah. Mereka datang memperbaiki kabel wayar waktu hujan masih turun dan memasang talian wayar baru pada hari berikut. Masalah diselesaikan dengan sepenuhnya. Perkhidmatan mereka sungguh memuaskan hati. Terima kasih Tuhan kerana Dia menggetahui apa yang terbaik untuk saya. Tidak perlu saya bersusah payah memikirkan dan melalui orang lain Tuhan melakukan untuk saya. Terima kasih Tuhan, Engkau adalah Allah yang baik.

## HARAPAN SEJATI

Di tulis oleh Sengalang



**Kemana perginya  
api lilin itu?**

Mazmur146:4”  
Lenyaplah segala  
fikirannya”.Manusia  
itu Fana atau  
berkematian.Hidup  
kita bagai sebatang  
lilin,Sewaktu  
dipadamkan,apinya  
tidak pergi kemana-  
mana.Api itu tiada  
Lagi.



- ◆ Pernahkah Anda kehilangan seseorang yang Anda cintai? Kepedihan hati, dukacita, dan perasaan tidak berdaya seolah-olah tak tertanggungkan. Pada saat-saat seperti itu, kita perlu mencari penghiburan dari Firman Allah. ( 2 Korintus 1:3, 4 )

## Adakah Anda ingin Mengetahui KEBENARAN ?

**KEBENARAN** mengenai apa?  
Antara dua soalan penting yang  
pernah di tanya oleh sejarah Manusia.

*Apakah yang berlaku kepada kita  
apabila kita mati?*

*Adakah orang yang telah mati  
mempunyai Harapan?*

Darimana kita dapat jawapan,Dalam  
perpustakaan ada ribuan buku  
mendakwa mereka memberi  
jawabannya,Tapi semua  
bercanggahan.

Hanya sebuah buku yang memberi  
jawapan yang boleh dipercayai.Buku  
ini mengandungi kebenaran  
sahaja.Semasa Jesus Kristus berdoa  
kepada Tuhan,Dia  
berkata,"Firmanmu selalu  
Benar"(Yohanes 17:7) Firman yang  
dimaksudkan oleh Jesus ialah Kitab  
Suci yang dipanggil **BIBLE**.

### Adakah orang yang telah mati mempunyai Harapan

Sebab Soalan ini ditanya? Kita Semua  
masih Hidup.Kita ingin menikmati  
kehidupan bersama-sama orang yang  
kita kasihi.Kita juga ingin berjumpa  
semula dengan saudara-mara atau  
kawan kawan yang telah meninggal.

**AJARAN ALKITAB:** Kebanyakan  
orang yang telah Mati akan  
dibangkitkan. Jesus telah berjanji  
bahawa,"Orang mati.....Keluar dari  
**Kubur(Yohanes 5:28,29)**Selaras  
dengan tujuan asal Tuhan,mereka yang  
telah dibangkitkan akan berpeluang

### Apakah yang berlaku kepada kita apabila kita mati?

Sebab Soalan ini ditanya?? Kebanyakan  
Agama di Dunia mengajar bahawa selepas  
kematian,sesuatu dalam badan akan terus  
hidup.setengah orang mendakwa orang  
yang telah mati boleh mencederakan dan  
membunuh orang yang masih hidup.Ada  
pula yang percaya bahawa orang Fasiq  
akan disiksa untuk selama-lamanya  
didalam api sebagai hukuman daripada  
Tuhan.

**AJARAN ALKITAB:** Seseorang yang  
telah Mati tidak wujud  
lagi.**Pengkhotbah9:5**  
mengatakan,"Orang yang telah mati  
tidak tahu apa-apa pun".Oleh sebab  
mereka mati tidak tahu dan tidak  
merasai,atau mengalami apa-apa.Mereka  
tidak dapat mencederakan-atau  
membantu-orang yang Hidup.-  
**Mazmur146:3,4**  
**-Lihat kejadian 3:19**  
**-Pengkhotbah9:6,10**

untuk hidup di Firdaus di  
Bumi(Yesaya65:21-25)Bagi umat  
yang patuh kepada Tuhan,**HARAPAN**  
masa depan ini merangkumi kesihatan  
yang sempurna dan dan hidup yang  
kekal.Alkitab mengatakan:"Orang  
yang salih akan memiliki bumi  
ini,dan di sini tinggal selama-  
lamanya".-**Mazmur37:29**

**-Lihat Ayub14:14,15**

**-Lihat Lukas7:121-17 dan**

**Kisah Rasul24:15**

## LAWATAN KE LADANG ITIK DI BAKO


Pada 3/9/2017, Persekutuan Lelaki CKMC BM telah melawat ladang itik, Long Shining Farm Enterprise di Bako Kuching. Kami bertolak dari gereja dan mengadakan lawatan selama 2 jam di ladang. Kami telah disambut oleh tuan punya ladang, Encik Chai Kian Shin. Beliau menjamu kami dengan teh Cina dan buah pamelu yang di petik dari ladangnya. Kemudian, kami dibawa melawat ladang itiknya. Beliau memperkenalkan itik yang dibela untuk telur dan daging. Itik yang dibela untuk telur berwarna perang manakala itik yang dibela untuk daging berwarna putih. Selain itu beliau juga membela itik untuk telur dari England yang mempunyai paruh coklat manakala itik Peking berwarna putih dan paruh kuning. Kesemua rumah itik mempunyai tempat untuk minum dan mandi. Terdapat pelbagai jenis rumah yang direka untuk itik daging dan telur. Tanah di ladang luas dan besar, sehingga ada sebahagian tanah digunakan untuk membela ayam, babi dan buruh puyuh. Kawasan ladang juga di tanam dengan pelbagai buah-buahan. Di kawasan membela babi, kami telah melihat mereka memberi makanan kepada babi. Kesemua babi merebut untuk makan. Babi kacukan yang ditenaknya boleh membesar sehingga 180kg. Babi yang ditenaknya tidak disuntik dengan hormon dan makan makanan biasa. Pada akhirnya, beliau membawa kami ke rumahnya dan menunjukkan telur masin yang dibuat dengan cara kasam dan berlainan dengan telur masin yang kita biasa makan. Kesemua yang pergi ke ladang, menikmati segala yang dilihat dan dirasakan di ladang itik.





Persekutuan Lelaki CKMC dengan Tuan Milik Ladang En Chai



Itik Daging



Itik Telur



Babi Kacukan

## PERAYAAN HARI PRIBUMI - (Susana Leong)



Perayaan Hari Pribumi tahun ini telah diadakan pada 23 Julai 2017. Seperti tahun-tahun yang lepas, kebaktian gabungan khas pelayanan Bahasa Malaysia dan pelayanan Bahasa Cina di Gereja Methodist Ching Kwong diadakan untuk pengiktirafan dan menghargai pelayanan Bahasa Malaysia yang terdiri daripada jemaah berbilang kaum dan bangsa.

Kebaktian Hari Pribumi juga diraikan untuk mengeratkan silaturahim di antara jemaah-jemaah pelayanan BM dan pelayanan BC. Khas pada hari tersebut, tiga kebaktian diadakan pada jam 7 pagi, 9 pagi dan 7:30 malam.

Selain daripada khotbah daripada gembala Tuhan, kemuncak kebaktian tahun ini adalah persembahan beramai-ramai AJK dan jemaah BM yang bernyanyi **“10,000 reasons”** oleh Matt Redman di pentas gereja.

Bersyukur kepada Tuhan untuk Pelayanan BM Gereja Methodist Ching Kwong yang telah ditubuhkan semenjak tahun 2007 kerana jumlah jemaah juga bertambah bahkan kehidupan kerohanian juga meningkat seperti yang boleh dilihat melalui anak-anak gereja yang telah memilih untuk menjadi gembala Tuhan, iaitu, Geff Tawan, Headtly Dinjal dan Joseph Pang dan pemuda-pemudi yang memimpin puji-pujian sewaktu kebaktian minggu. Sepuluh tahun sudah berhasilnya buah yang baik.

**Kemuliaan kepada Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh Kudus!**





## SUNDAY MARKET



Ditulis oleh Roselind Nantie

Sunday Market adalah hari yang ditunggu-tunggu oleh kalangan ibu-ibu di Gereja Ching Kwong Methodist Bahasa Malaysia iaitu pada 20/8/2017, Ahad. Para ibu-ibu sangat bersemangat untuk menyediakan bahan-bahan jualan mereka dengan harga yang berpatutan. Bermacam-macam barang jualan kami seperti makanan, sayur-sayuran dan bahan perhiasan dan yang lain-lain lagi. Kami dari Persatuan wanita sangat berterima kasih kepada Bahagian Cina kerana banyak membantu dan membeli barang jualan dari Bahagian Bahasa Malaysia.

Disamping itu juga, Sunday market ini dapat menambah pendapatan kami pada hari Ahad selepas kebaktian. Program ini memang sangat bagus untuk para ibu-ibu menunjukkan bakat mereka dari segi bahan jualan. Ternyata kita tidak mensia-siakan bakat yang Tuhan telah bagi kepada kita.

Secara tidak langsung Sunday Market ini juga, telah mengeratkan lagi silaturahim antara kami semua dibahagian BM dan BC. Bukan itu saja, Sunday Market juga dapat menambahkan

pendapatan untuk gereja Bahasa Malaysia kerana ibu-ibu yang berniaga telah memberikan sedikit sumbangan kepada gereja dari hasil jualan mereka pada hari tersebut.

Kami sekali lagi berterimakasih kepada semua yang terlibat menjayakan program Sunday Market dengan memberikan sokongan kepada ibu-ibu yang berniaga pada hari tersebut dan kepada mereka yang telah membeli jualan kami.

**Semoga Tuhan terus memberkati kita semua**

*Ditulis Oleh: Sengalang*

## PERSATUAN KRISTIAN BAHASA IBAN SARAWAK(GEMPURU BESAI) FUND RAISING DINNER.

GEMPURU BESAI PERSATUAN KRISTIAN BAHASA IBAN KE 20 DI ACS KUCHING.

Pada bulan 23hb April 2017 yang lalu, Kami dari bahagian BM telah dijemput untuk menghadiri pogram perhimpunan tahunan yang ke- 20 di adakan di **ACS kuching**. Perhimpunan ini di sertai oleh semua Gereja Kristian bahasa Iban seluruh negeri Sarawak. Diantara tertamu kehormat yang hadir pada malam itu ialah YB Encik **LIWAN LAGANG**( Menteri muda pengangkutan sungai dan keselamatan) menggantikan **YB TAN SRI DATUK AMAR DR. JAMES JEMUT MASING** kerana tidak dapat

Hadir pada masa itu.

Perhimpunan ini dimulakan pada pukul 7.30pm dengan doa pembukaan di ketuai oleh **Rev. George Pandong** selaku President PKBIS. Memetik sedikit daripada kata alu aluan

yang di sampaikan oleh **IR. Janang Bungsu** (Timbalan pengerusi PKBIS) mengatakan bahawa Gereja gereja terutamanya dari Bahasa iban menghadapi banyak cabaran.Ini kerana kekurangan gembala dan dan orang

yang pergi untuk menyampaikan berita baik diluar sana.

Pada malam itu juga saya sangat tertarik dengan ucapan daripada YB Liwan Lagang mengatakan bahawa Jemaat terutama dari peribumi kurang dalam pemberian melalui persepuluhan. YB mengatakan bahawa Jemaat lebih peka dalam hal ini dan tak perlulah pastor- pastor mengingggatkan selalu. Malam itu juga Beberapa YB dari masyarakat Dayak (Bhg.ketujuh) dan Bintulu telah memberikan sumbangan

kepada Persatuan ini dalam bentuk Wang ringgit RM5K-10K setiap seorang. Pada Akhir ucapan YB memberitahu hadirin bahawa kerajaan tetap menyokong dan memberi

perhatian kepada gereja gereja di Sarawak.Oleh itu jangan segan dan takut untuk memohon bantuan. Perhimpunan kedua di Kuching pada tahun ini akan diadakan di **BCKK pada 30 NOVEMBER 2017.**



## PERAYAAN PENUTUPAN GAWAI 2017

DISEDIAKAN OLEH, IBU SIAHAAN

**Gereja Methodist Ching Kwong BM** dimulakan pada 4 April 2008, mempunyai jemaat yang berbilang kaum seperti, Kaum Iban, Kaum Bidayuh, Kaum Lunbawang dan sebagainya. Gereja terus berkembang dengan menjalankan program pelayanan yang telah dirancang. Mengingat pentingnya peranan Kaum Pribumi di Negara ini maka Gereja Ching Kwong pun terus memberi perhatian kepada Kaum Pribumi dengan mengadakan Perayaan Pembukaan Gawai maupun Penutupan Gawai. Gereja Ching Kwong tiap-tiap tahun mengadakan Perayaan Gawai sejak di mulakannya Gereja Ching Kwong BM pada 2008. Tujuan Perayaan ini adalah:

1. *Bersyukur Atas Berkah Tuhan*
2. *Misi Gereja untuk menjangkau Saudara Baru*
3. *Penghargaan Gereja kepada Kaum Pribumi*

Pada tahun ini Perayaan Pembukaan Gawai diadakan 21 May 2017 dan Perayaan Penutupan Gawai pada 18 June 2017. Perayaan Gawai tahun 2017 ini merupakan Perayaan pertama kami bersama Ps.Lim sebagai pemimpin yang baru. Ps.Lim sangat memberi perhatian untuk perayaan ini, kerjasamanya membuat AJK juga bekerja kuat. Ps.Lim menyampaikan khotbah yang diambil dari **Yohanes 3:16**. Thema Perayaan ini adalah **“Yesus Sayang Semua Bangsa”**.



Bukan saja Persembahan Artis Rannee Pet tapi persembahan tarian muda-mudi kita juga patut dibanggakan. Demikian juga tarian bersama (Massal) yang membuat suasana perayaan itu sangat menyenangkan. Kita juga berterima kasih kepada Bapak DS Pdt Lau Kiong Ping karena telah memberi masa datang pada acara itu dan ikut menari bersama. Makanan yang disediakan pun lebih dari cukup. Maka dapat kita lihat pada perayaan tahun ini bahwa kersajama kita dapat menyempurnakan perayaan ini. Marilah

kita terus mentaati firman Tuhan pada **Ulangan 11:13-14**. Biarlah melalui Perayaan Gawai 2017 nama Tuhan dipermuliakan .



### Suasana perayaan penutupan Gawai

Perhiasan



Wajah Ceria Ibu-Ibu



Poco-poco



Persembahan Muda-mudi



Artis Jemputan  
Ranee Pat



Cabutan Tiket  
Bertuah



Menerapkan  
Nilai-nilai Kristiani  
melalui **KASIH**  
(1 Korintus 13)

